

Ekonomi Digital Dipacu dengan Mengadaptasi Norma Baharu

LAPORAN
TAHUNAN
2020

.mynic



Inti Pati

Tentang MYNIC	01
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	05
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	06
Perjalanan 33 Tahun MYNIC	07
Mendepani Cabaran dalam Norma Baharu	12
Membantu Komuniti Meningkatkan Taraf Ekonomi dalam Norma Baharu	14
Inklusiviti dalam Ekonomi	16
Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) Memperkasa MSME	18
Melindungi Ekosistem Ekonomi Digital	20
DNS <i>Secure Resolver</i>	21
<i>Domain Name System Security Extension (DNSSEC)</i>	23
Segenap Tinjauan Rakan Niaga MYNIC	25
Membina Budaya Kerja Berprestasi Tinggi	27
Pencapaian Memacu Globalisasi ke Arah Pensijilan COPC	29
Program Tanggungjawab Sosial Korporat #MYNICARES	31
MYNIC Rancakkan Ekonomi Digital Negara	33
MYNIC dan KKMM Memacu Adaptasi Digital Negara	35
Nama Domain .MY Premium	36
Pertumbuhan Perniagaan dan Kewangan	37

Maklumat Korporat

Nama Syarikat MYNIC Berhad (735031-H)

Diperbadankan 24 Mei 2006

Alamat Tetap Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pendaftaran Suite C-5-4,
Wisma Goshen Plaza Pantai,
Jalan Pantai Baru
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

Setiausaha Syarikat AAJ Management Services Sdn Bhd

Tentang MYNIC

MYNIC Berhad adalah merupakan pendaftar rasmi domain .MY di Malaysia yang bertauliah dan diiktiraf oleh ICANN (*Internet Corporation for Assigned Names and Numbers*). MYNIC turut menyediakan perkhidmatan lain yang memberikan identiti unik kepada organisasi dan individu di Malaysia.

Sebagai salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MYNIC komited dalam memastikan organisasi dan individu di Malaysia sentiasa ke hadapan selari dengan arus perkembangan ekonomi digital seterusnya mengkomersialkan lagi identiti domain .MY ke peringkat antarabangsa.

Domain .MY melambangkan identiti dan profesionalisme perniagaan, organisasi atau individu di Malaysia. Wujudkan jenama dan imej perniagaan dan organisasi anda dengan domain .MY.

MYNIC sentiasa berusaha bagi memperkasakan perniagaan dan industri sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

Visi

Visi kami adalah untuk menjadi *Registry* Kod Peringkat Tertinggi Negara (ccTLD) bertaraf dunia dalam mempromosikan .MY dan sebagai pemangkin inisiatif ekonomi digital.

Misi

Dedikasi dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan .MY.

Nilai Keutamaan

Nilai keutamaan kami berdasarkan pada asas organisasi berprestasi tinggi:

- Inovasi
- Perkhidmatan mesra pengguna
- Integriti
- Komitmen ke arah kecemerlangan

Perkhidmatan Teras MYNIC

Nama Domain Kategori Terbuka

.my

bagi individu dan semua organisasi di Malaysia

.com.my

organisasi /aktiviti komersil

.biz.my

perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME)

.net.my

organisasi /aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian

.org.my

organisasi /aktiviti lain

.name.my

bagi warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia sahaja

Nama Domain Kategori Tertutup

.gov.my

agensi kerajaan Malaysia sahaja

.edu.my

institusi pendidikan Malaysia sahaja

.mil.my

agensi ketenteraan Malaysia sahaja

Nama Domain Antarabangsa (IDN)

- Aksara Jawi (جاوي.my)
- Aksara Cina (天空.my)
- Aksara Tamil (இந்தியா.my)

Perkhidmatan Tambahan

- *.MY Domain Name Dispute Resolution Services* (MYDRP)
- *Sensitive Domain Names Dispute Resolution Policy* (SNDRP)

Perkhidmatan untuk Mendaftar

- Pendaftaran dalam talian
- *Customer Care & Resellers Support Services*

Ahli Lembaga Pengarah




1. YBr. Dr. Mohamed bin Awang Lah (Pengerusi)
2. YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad
3. YM Raja Iskandar Shah bin Raja Ibrahim Shah
4. YBr. En. Nik Abdul Aziz Nik Yaacob
5. YBr. En. Mahizzan bin Mohd Fadzil

Barisan Pengurusan Kanan



1. Ketua Pegawai Eksekutif
YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan
2. Ketua Pegawai Operasi
YBr. Norzaiton Senusi
3. Ketua Pegawai Pemasaran
YBr. MD Fariz Ahmad Sanusi
4. Ketua Pegawai Kewangan
YBr. Mohamad Farizul Yahaya
5. Ketua Pegawai Inovasi
YBr. David Chui Siew Choong

Struktur Organisasi



Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah

Pandemik COVID-19 telah mengetengahkan betapa pentingnya digitalisasi dalam kehidupan seharian (*World Economic Forum, 2020*) dan pada masa yang sama ia turut mempercepatkan arus gelombang transformasi digital di Malaysia dan seluruh dunia.



Situasi ini juga dapat dilihat daripada corak dan landskap perniagaan di Malaysia yang turut melalui transformasi digital yang ketara, di mana ianya telah mendorong rakyat Malaysia khususnya golongan usahawan untuk mengadaptasi norma baharu dengan penggunaan teknologi dan Internet untuk menghasilkan dan memasarkan produk dalam pasaran tempatan mahupun luar negara.

MYNIC juga tidak ketinggalan menyokong usaha kerajaan dalam mendepani cabaran ini dengan menjadi salah satu pembolehupaya dan melengkapi ekosistem ekonomi digital. MYNIC sentiasa berusaha untuk merealisasikan impian digital melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk membantu rakyat Malaysia. MYNIC turut mencetuskan idea serta menghasilkan inovasi pelbagai bentuk platform dan program yang dapat merealisasikan aspirasi tersebut terutamanya dalam melahirkan usahawan– usahawan cakna digital seiring dengan *trend* dalam sistem and perkhidmatan atas talian yang dilihat semakin berkembang pesat. Platform teknologi, penjenamaan digital dan pembangunan modal insan di bawah program PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital) telah diperkenalkan bagi menyokong usaha ini.

Selama lebih tiga dekad dalam industri nama domain, MYNIC telah memainkan peranan penting bukan sahaja untuk meningkatkan keupayaan bisnes tempatan tetapi juga dalam usaha merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, di samping meningkatkan penglibatan golongan orang kurang upaya (OKU).

MYNIC juga amat komited untuk membantu usahawan mendapat manfaat melalui inisiatif ini dan mengembangkannya sehingga ke peringkat global dengan memastikan nama domain .MY sebagai pilihan utama bagi identiti digital yang dipercayai dan diyakini.

Sekalung penghargaan buat YB Menteri Komunikasi dan Multimedia, Ketua Setiausaha KKMM, warga KKMM, ahli lembaga pengarah serta seluruh tenaga pemacu transformasi MYNIC atas komitmen dan sinergi yang telah diberikan.

Saya yakin dan percaya MYNIC akan terus menjadi salah satu pemacu transformasi ekonomi digital yang bukan sahaja membantu meningkatkan ekonomi negara malah dapat menyumbang kepada taraf hidup masyarakat ke arah penerapan gaya hidup digital yang lebih inklusif dan holistik.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mohamed Awang Lah

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya dalam bidang perniagaan, industri mahupun perusahaan mikro, kecil dan sederhana.



Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang begitu mendalam yang memaksa seluruh dunia berubah demi kelangsungan hidup dengan mengadaptasi cara hidup seharian dari segi peribadi mahupun profesional. Walaupun pandemik ini perit, ia juga mengajar kita semua bahawa adalah lumrah untuk manusia berubah mengikut peredaran masa yang akan menjadikan semua lebih kuat.

Kerana perubahan hidup yang ketara menyentuh semua aspek kehidupan, MYNIC juga menempuhi arus perubahan baharu ini dengan tabah. MYNIC sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan nama domain negara sentiasa berusaha untuk kekal relevan dengan mengadaptasi *trend* dan kemajuan bagi memastikan nama domain .MY boleh menjadi pembolehubah yang memberi impak tersendiri kepada pembangunan infrastruktur ekonomi digital negara. Ekonomi digital dilihat berpotensi untuk memacu negara ke arah aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai yang tinggi dan lebih inklusif serta dapat melawan kesan daripada pandemik ini.

Dengan fokus untuk membantu usahawan daripada golongan MSME dan juga OKU, MYNIC menjalankan program-program dan inisiatif yang dapat membawa usahawan-usahawan ini daripada penjualan dan pemasaran di luar talian ke dalam talian sepanjang tahun 2020. Tugas kami adalah untuk memberi kesedaran kepada usahawan bahawa mereka perlu melengkapkan ekosistem e-dagang untuk berjaya bukan hanya semasa pandemik ini tetapi untuk kelestarian perniagaan mereka dalam jangka masa panjang.

Perubahan yang ketara juga perlu dilakukan untuk memperkukuh pemerkasaan tadbir urus MYNIC dengan membina budaya kerja berprestasi tinggi yang disemarakkan dalam kalangan kakitangan MYNIC.

Budaya kerja berprestasi tinggi ini amat penting untuk diterapkan supaya dapat meningkatkan produktiviti syarikat walaupun perlu bekerja dalam norma baharu yang terasa asing dan memerlukan masa untuk difahami dan dipraktikkan. Ia memberi semangat dan tujuan kepada warga MYNIC untuk menjalankan sesuatu perkara dengan komitmen dan rasa tanggungjawab yang tinggi.

Pertukaran budaya bukanlah mudah tetapi ia adalah sesuatu yang wajib dilakukan supaya MYNIC terus maju ke hadapan. Selain melihat perubahan budaya kerja, fokus ke arah meningkatkan kepuasan pelanggan dalam pengalaman dan perjalanan adalah amat ditekankan dimana MYNIC melalui proses untuk pensijilan COPC yang minitiberatkan kepuasan pelanggan. Proses ini begitu mencabar tetapi warga MYNIC berjaya melaluinya bersama.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) juga banyak membantu dan memberikan sokongan yang padu kepada MYNIC supaya kami dapat memperkasakan perniagaan dan industri sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

Saya percaya, dunia akan menjalani perubahan yang pesat ke arah ekonomi digital global. Jika semua berganding bahu menjalankan tugas dengan sebaiknya demi kepentingan pelanggan dan juga rakyat, impian MYNIC untuk menyumbang kepada negara akan dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan

Perjalanan 33 Tahun MYNIC

2020

- Pensijilan semula QMS (ISO 9001), ISMS (ISO 27001), and BCMS (ISO 22301)
- Pelancaran nama domain kategori baharu – BIZ.MY
- Pelancaran Nama Domain Premium (*Premium Domain Name* – PDN)
- Pelancaran Inisiatif Baru PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital)



2019

- Penganjuran Mesyuarat Asia Pacific Top Level Domain (APTLD) ke-76 di Malaysia
- Penganjuran MYNIC Tech Summit 2019
- Pelancaran inisiatif baharu untuk Orang Kurang Upaya (OKU)
- Pengenalan Program #MYNICARES
- Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital MYNIC
- Penganjuran MYNIC Digital Adopters Award
- Majlis Menandatangani Kerjasama MYNIC & CentralNic
- Pelancaran Program MYMARK



2018

- Pensijilan QMS (ISO 9001)
- Pensijilan semula ISMS (ISO 27001)
- Seminar Latihan Fotografi & KREATIFMARKET.MY
- Program latihan Deals dan KREATIFMARKET.MY seramai 4,800 peserta
- Pusat Khidmat Pelanggan MYNIC beroperasi 24 jam setiap hari



2017

- Pensijilan semula BCMS (ISO 22301)
- Penganjuran Larian MYBUDDIES edisi ketiga
- Penganjuran Seminar Pembangunan Usahawan Muda, Kursus Keusahawan Muda, Bengkel Latihan
- Pelancaran MYKOMUNITI SCHOOL2U – Program perintis untuk 60 sekolah di Kota Belud untuk meningkatkan kehadiran dalam talian
- Pengenalan terhadap inisiatif baharu KREATIFMARKET.MY, pakej BIZ, dan perkhidmatan Domain Mapping GO2



2016

- Top 5 finalis HRDF Awards 2016
- Penganjuran program Larian MYBUDDIES edisi kedua
- Penganjuran Fiesta Blogshop edisi ketiga
- Penganjuran MYBUDDIES Strikers edisi kedua
- Penganjuran bersama The Asian International Arbitration Centre bagi Domain Name Dispute Resolution Conference (DNDRC)
- Penglibatan bersama melalui Program Kesedaran DEALS Awareness for Network Security Industry Talk
- Penganjuran Program CSR – Program Transformasi Diri 360
- Penganjuran Program Kesedaran .MY kepada wakil agensi kerajaan melalui "Coffee with MYNIC"



2015

- Pelancaran program MYFIEDELE & MYLIFE
- Penganjuran Larian MYBUDDIES edisi pertama
- Penganjuran Larian Sehati Sejiwa sempena hari kemerdekaan
- Penganjuran MYBUDDIES Strikers edisi pertama
- Penganjuran Fiesta Blogshop edisi kedua
- Pelancaran Pakej Business Online Bundle (BOB)
- Penambahbaikan terhadap sistem keselamatan Pengurusan Nama Domain .MY melalui Two Factor Authentication (2FA)
- Pensijilan semula ISMS (ISO 27001)
- Pensijilan BCMS (ISO 22301)



2014

- Penganjuran Mesyuarat Asia Pacific Top Level Domain (APTLD) ke-64 di Malaysia
- Pelancaran dan Penganjuran Program MYBUDDIES
- Pelancaran and Penganjuran Fiesta Blogshop edisi pertama
- Penganjuran Seminar Usahawan Anak Merdeka
- Pelancaran Program I'M CEO
- Penambakan terhadap Perkhidmatan Nama Domain melalui Pengaktifan Nama Domain dalam masa satu jam



2013

- Penubuhan Rangka Kerja Pengurusan Risiko (*Enterprise Risk Management - ERM*)
- Pemindahan MYNIC sebagai agensi baharu di bawah KKMM (pemindahan agensi daripada MOSTI)
- Penjenamaan semula sebagai MYNIC (sebelumnya *.MY Domain Registry*)
- Penganjuran Bersama Karnival *ICT and Innovation* (Kerjasama dengan Majlis Belia Kawasan Titiwangsa)
- Pelancaran Program Blogrrr
- Pembangunan Projek Anycast@myDNS
- Pelancaran ICHOOSE.MY



2012

- Pensijilan ISMS (ISO 27001)
- Pengenalan Polisi baru *.MY Domain Name Privacy*
- Pelancaran Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) di Sabah & Sarawak
- Pelancaran Program 2nd 1MYID (kerjasama bersama MYNIC dengan Majlis Belia Malaysia)
- Sambutan Ulang Tahun MYNIC ke-25 (Jubli Perak)



2011

- Pelancaran *Internationalized Domain Name* (IDN)
- Pelancaran Polisi baharu Triple I
- Pelancaran Polisi baharu *Sensitive Name Dispute Resolution Policy* (SNDRP)
- Pelancaran Program *2U-School*
- Pelancaran Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO)
- Pelancaran Program 1MYID (kerjasama bersama MYNIC dan Majlis Belia Malaysia)



2010

- Pelancaran DNSSEC
- Pelancaran Program 1Nita – Identiti Unik untuk PKS Wanita di Malaysia



2009

- Penjenamaan semula sebagai *.MY Domain Registry*



2008

- Pelancaran dan Pembukaan Semula Pendaftaran Nama Domain Peringkat Kedua *.MY*
- Pelancaran IPv6

2007

- Pengujian IPv6



2006

- Penubuhan MYNIC Berhad sebagai sebuah entiti baru di bawah MOSTI and dikawal selia oleh SKMM
- Pemindahan Nama Domain .MY dari MIMOS Berhad ke MYNIC Berhad dan Pengiktirafan penuh daripada *Internet Corporation of Assigned Names and Numbers (ICANN)*

2003

- Pengenalan Nama Domain kategori baharu .NAME.MY untuk penggunaan individu/peribadi
- Pelancaran Polisi Baharu bagi Pertikaian Nama Domain .MY (*MYNIC Domain Name Dispute Resolution Policy – myDRP*)

2002

- Pelancaran Program Wakil Jualan (*Reseller Program*) dan Pelantikan Wakil Jualan MYNIC

1987

- .MY didaftarkan sebagai Nama Domain Peringkat Pertama untuk Malaysia di Pangkalan Data IANA (*Internet Assigned Numbers Authority (IANA) Database*)
- MYNIC (*Malaysia Network Information Centre*) sebagai sebuah Unit di MIMOS Berhad

Mendepani Cabaran dalam Norma Baharu

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah Malaysia merupakan krisis kesihatan yang mengancam kelangsungan dan kesejahteraan hidup masyarakat dan seterusnya mampu melumpuhkan ekonomi sesebuah negara.

Cabaran ini bukan sahaja hanya menguji persediaan negara malahan ia turut mengukur kebolehpayaan sesebuah organisasi dan syarikat untuk terus kekal relevan.

Ekoran pelaksanaan PKP, impak terhadap ekonomi negara turut terjejas. Norma baharu yang dulu merupakan sesuatu yang asing kini terpaksa diadaptasi ke dalam kehidupan seharian dan juga corak perniagaan.

Organisasi perlu bangkit semula dengan kadar segera dengan meminimumkan impak terhadap pekerja.

MYNIC tidak terkecuali daripada mengadaptasi norma baharu ini termasuklah mengaplikasi pelan perniagaan yang bersesuaian untuk memastikan MYNIC mampu berdaya saing bagi menghadapi kemelut global ini. Persediaan pelan perancangan yang menyeluruh dalam menghadapi fasa kritikal ini perlu dibuat secara efektif. Kebanyakan organisasi perniagaan kurang bersedia dan gagal menyediakan pelan kelangsungan perniagaan (*business continuity plan*) iaitu satu pelan perancangan yang membolehkan sesebuah organisasi untuk bertindak balas, memulih, mengembalikan dan memulakan semula operasi mereka setelah berlakunya sesuatu gangguan (*disruption*) atau krisis.



Peningkatan adaptasi digital ekonomi yang tinggi dan meluas ketika pandemik memberi peluang kepada MYNIC yang merupakan salah satu komponen utama dalam memacu ekonomi digital negara untuk berusaha mengukuhkan matlamat menjadi *registry* Kod Peringkat Tertinggi Negara (ccTLD) bertaraf dunia dan sekaligus memastikan nama domain .MY menjadi pilihan pengguna di Malaysia. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh MYNIC dilihat bersesuaian dengan norma baharu dan sekaligus membuktikan peranan serta sumbangan MYNIC untuk mengukuhkan ekosistem ekonomi digital di Malaysia sewajarnya diberi perhatian yang khusus.

Penganjuran Latihan Penguasaan Pasaran Digital MYNIC untuk usahawan-usahawan yang terjejas akibat pandemik berjaya mencapai objektif utama iaitu menggalakkan peralihan perniagaan luar talian ke dalam talian.

Platform teknologi, penjenamaan digital dan pembangunan modal insan di bawah program PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital) telah diperkenalkan bagi menyokong usaha ini. PRIME juga memperkenalkan kategori nama domain baru iaitu BIZ.MY kepada sektor PMKS untuk mengukuhkan identiti perniagaan mereka dalam talian. MYNIC tidak ketinggalan berusaha membangunkan teknologi nama domain dengan membangunkan DNS *Secure Resolver* dan DNSSEC untuk meningkatkan keselamatan dalam talian dan sekaligus melindungi ekosistem ekonomi digital.

MYNIC juga berhasrat untuk meningkatkan keupayaan operasi perniagaan dengan memperolehi pensijilan COPC dan menjadi antara pelopor awal bagi organisasi-organisasi di Malaysia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Tranformasi prestasi budaya tinggi telah dipupuk ke dalam pentadbiran MYNIC agar semua pekerja memacu ke arah matlamat yang sama untuk terus utuh mendepani cabaran norma baharu serta memastikan MYNIC akan terus kekal relevan di masa hadapan dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.



Membantu Komuniti Meningkatkan Taraf Ekonomi dalam Norma Baharu

Dalam usaha ke arah mencapai status negara maju dan seiring dengan landskap perniagaan global yang menjurus ke arah peralihan kepada ekonomi digital, MYNIC menawarkan pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital untuk para usahawan terus kompetitif dan relevan kepada persekitaran perniagaan yang moden.

Selain itu juga, secara tidak langsung dapat membantu golongan usahawan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di Malaysia dengan menyediakan peluang melalui Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital MYNIC.

Tujuan program latihan ini adalah untuk menggalakkan penyertaan usahawan-usahawan sedia ada ke perniagaan dalam talian melalui platform media sosial dan juga laman web. Di samping itu, program latihan ini dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada komuniti usahawan termasuk golongan OKU mengenai keselamatan siber.

Program ini memberi tumpuan kepada silibus pembangunan laman web, pengiklanan menggunakan Facebook, Google Ads dan juga Google Business. Secara tidak langsung, mereka dapat memperkasa dan mengembangkan perniagaan mereka ke dalam talian, seterusnya peningkatan pendapatan secara ketara dapat dijana dengan lebih baik.

Bagi tahun 2020, Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital MYNIC telah dijalankan secara dalam talian selama tiga bulan dan berjaya melatih sejumlah 1,300 usahawan di seluruh Malaysia termasuklah 179 usahawan daripada golongan orang kurang upaya.

Kelas 1 berlangsung pada 8 dan 9 Ogos dan kelas 2 berlangsung pada 18 dan 19 Ogos di Kuantan, Pahang. Kelas yang dianjurkan telah mengikuti SOP yang ditetapkan di mana penjarakan sosial 1 meter dan pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan kepada semua peserta.

Kelas dijalankan secara online sepanjang September – Disember



Statistik usahawan yang dilatih mengikut negeri

Selangor	323
Pahang	211
Kuala Lumpur	124
Johor	105
Kelantan	88
Perak	82
Terengganu	68
Sarawak	68
Sabah	63
Kedah	62
Negeri Sembilan	50
Melaka	27
Pulau Pinang	24
Perlis	5



1,300 Jumlah usahawan yang berjaya dilatih
termasuk **179** usahawan OKU

Apa kata usahawan yang dilatih?

“Dengan memahami pembinaan dan pengendalian laman web serta teknik pemasaran online melalui program ini, memang sangat membantu. Seakan-akan kami boleh bernafas kembali. Walaupun kerja-kerja produksi yang besar tidak ada, tetapi kami mendapat tempahan daripada pelanggan perseorangan.”

Terima kasih MYNIC kerana memberi idea dan nafas baharu kepada kami yang sebelum ini hanya mempunyai pelanggan dalam golongan tertentu dan sangat terhad.”

FRANCIS MALUDA
sabahitvnetwork.my

“Syarikat saya lumpuh dan terpaksa ditutup di Johor dan saya berpindah ke KL. Sebagai syarikat baharu, saya menghadapi cabaran untuk memperkenalkan syarikat saya kepada pelanggan. Saya menjalankan khidmat membuat video dan gambar untuk komersial dan persendirian seperti majlis korporat dan majlis perkahwinan, jadi saya perlu tunjuk hasil karya saya kepada pelanggan.”

Dengan adanya MYNIC, ia telah banyak membantu saya dari segi iklan, penjenamaan dan promosi. Saya hanya perlu memberi pelanggan saya *link website* kepada mereka untuk menilai dan *website* juga banyak memberi keyakinan untuk pelanggan saya menerima khidmat daripada syarikat saya. Malah setelah ada *website store*, saya juga menjalankan perniagaan atas talian serta menambah bidang perniagaan lain.”

MOHD AFFENDI MUKHSIN
fendifilm.my

Inklusiviti dalam Ekonomi

Antara cabaran terbesar golongan kurang upaya (OKU) di Malaysia hari ini adalah mendapatkan peluang saksama dalam masyarakat. Diskriminasi mendapatkan pekerjaan, stigma daripada masyarakat ekoran kurangnya kesedaran, ditambah dengan pandemik COVID-19 menyaksikan mereka berhadapan dengan saat lebih sukar tahun ini berbanding sebelumnya.

Menyedari hakikat ini, MYNIC berusaha untuk menyokong dan memacu adaptasi digital OKU di Malaysia bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Usaha ini bermula seawal Disember 2019 pada sambutan Hari OKU Sedunia 2019 di mana MYNIC memperkenalkan diskaun khas sebanyak 50% sepanjang hayat nama domain .MY untuk golongan OKU.

Bermula Mac 2020 juga, MYNIC dengan kerjasama persatuan-persatuan OKU tempatan seperti *Malaysia Federation of the Deaf*, *National Blind Council*, Persatuan Pemulihan Orang Cacat Malaysia dan OKU Sentral telah berganding bahu untuk melatih golongan OKU membina laman web dan pengupayaan pemasaran digital.

Matlamat MYNIC adalah untuk merapatkan jurang serta menyediakan peluang dengan menyediakan platform kepada semua golongan masyarakat. MYNIC mahu mengimbangi pasaran dan mempromosikan peluang keupayaan digital kepada komuniti OKU supaya mereka juga dapat memanfaatkan revolusi digital Malaysia.



Apa kata mereka?



"Saya berasakan inisiatif ini perlu dilihat daripada dua aspek yang berbeza. Pertamanya dari segi aspek potongan harga yang diberikan oleh pihak MYNIC. Saya berharap agar tawaran ini akan turut diberikan lebih lagi pada masa akan datang. Keduanya ialah apa yang kita lihat, kerajaan sudah menggalakkan golongan OKU untuk turut serta dalam industri pendigitalan dan memastikan tidak ada lagi golongan yang ketinggalan. Ini adalah satu usaha yang sangat baik dan kami daripada golongan OKU seharusnya merebut peluang keemasan yang diberikan."

MOSES CHOO
Pengarah Eksekutif,
Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta
Malaysia



"Pada saya apa yang ditawarkan oleh MYNIC ini adalah sangat bagus dan berguna untuk golongan OKU. Jika mereka mahu membuat perniagaan di luar kawasan capaian Internet, dengan adanya domain atau laman sesawang (*website*) lebih memudahkan untuk sampai kepada pelanggan. Tetapi jika tanpa iklan berbayar dalam talian tidak mungkin orang akan dapat cari."

MOHD AFIQ BARNI
Pengarah Urusan
DAPE GARAGE



"Saya amat berterima kasih kepada KKMM dan MYNIC kerana membuat inisiatif ini kerana ia merupakan sesuatu yang telah kami tunggu sekian lama. Kami menunggu peluang ini kerana kami pasti dapat mengembangkan sayap perniagaan terutamanya dari segi aspek penggunaan laman web itu sendiri. Sebelum ini harga domain agak mahal. Jadi, dengan diskaun 50% yang diberikan oleh MYNIC bagi golongan OKU, ianya adalah peluang emas di mana mereka dapat menjana pendapatan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Bagi pihak OKU Sentral, kami akan menguar-uarkan kemudahan dan pakej yang diberikan kepada sahabat OKU di luar sana. Pada masa yang sama, kita akan turut memberi sedikit informasi mengenai kelebihan memiliki laman sesawang (*website*) bagi produk mereka sendiri. Jika sahabat OKU di luar sana tahu mengenai kemudahan ini, tentu sekali mereka akan mengambil peluang untuk memiliki nama domain dan membina *website* mereka sendiri."

RAS ADIBA RADZI
Presiden dan Pengasas,
Persatuan OKU Sentral

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) Memperkasa MSME Melalui Pengenalan Nama Domain .BIZ.MY

Sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) antara yang paling terjejas akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dari 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 menyaksikan sebahagian besar perniagaan terpaksa menutup operasi di premis fizikal. Ini menyebabkan peniaga berdepan cabaran hebat untuk berhubung dengan pelanggan serta menarik pelanggan baharu.



Situasi yang berlaku tanpa jangka ini menyebabkan kebanyakan perniagaan yang sebelum ini tertumpu kepada operasi luar talian kini mula menyedari pentingnya kehadiran dalam talian lalu mengadaptasi dengan norma baharu dengan membawa perniagaan mereka ke dalam talian menerusi laman web dan media sosial.

Atas kesedaran ini, MYNIC mengambil inisiatif memperkenalkan Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) bagi membantu usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana memulakan langkah pertama dengan memiliki nama domain .BIZ.MY secara percuma untuk tahun pertama. Tambah menarik, nama domain ini dilengkapi dengan aplikasi GO2 Brand yang dibangunkan MYNIC, di mana membolehkan nama domain .BIZ.MY dihubungkan terus kepada aplikasi permesejan seperti WhatsApp, Telegram, media sosial Facebook, Instagram, Twitter dan aplikasi pemetaan Waze, Google Maps tanpa perlu memiliki laman web.

Program PRIME telah dilancarkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah pada 27 November 2020. Untuk permulaan, sebanyak 20,000 nama domain .BIZ.MY dengan nilai RM1.6 juta diperuntukkan untuk program ini.

MYNIC juga telah bekerjasama dengan pelbagai rakan strategik termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Amanah Ikhtiar Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), SME Corp, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), Pahang Go Sdn. Bhd., Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak dan UTMSPACE bagi memaksimumkan capaian kepada usahawan PMKS.

Pendaftaran boleh dibuat melalui prime.mynic.my atau ejen jualan MYNIC.

Apa kata pengguna BIZ.MY?

"Alhamdulillah, saya dah mula guna BIZ.MY ini dan setakat ini saya dapat lebih ramai pelanggan berbanding sebelum ini. BIZ.MY membantu perniagaan saya untuk dikenali oleh ramai orang. Impak PKP terhadap perniagaan saya ini agak ketara, kerana kesukaran menambah stok yang terletak jauh dari perniagaan. Jualan juga berkurangan pada awalnya tetapi kini semakin bertambah. Dengan adanya kehadiran dalam talian (*online presence*) ini, saya boleh kata makin ramai orang kenal perniagaan saya ini."

AZRI AISAMUDDIN AHMAD
kerepek.biz.my

"PKP ini memberi impak yang tidak terlalu besar berbanding sebelum ini kerana saya masih boleh berniaga secara fizikal. Saya dah mula menggunakan domain BIZ.MY saya dan setakat ini saya lihat makin ramai orang yang mengunjungi untuk melihat produk saya. Dari segi penjualan turut ada sedikit peningkatan. Saya rasa domain serta GO2 Brand telah meningkatkan kehadiran dalam talian (*online presence*) perniagaan saya."

MOHD KHAIRUL ANUAR YUSOFF
mynuskfood.biz.my

"Dengan menggunakan BIZ.MY ini telah dapat memudahkan pelanggan untuk klik dari Facebook terus ke platform media sosial yang lain seperti Instagram, Google Maps, WhatsApp. Selepas hanya satu minggu, kami telah dapat tempahan dari Melaka & Johor melalui pautan yang disediakan oleh BIZ.MY ini."

MOHD FARID MUHAMMAD BAZLI
azumaprint.biz.my

83%

permohonan .BIZ.MY tidak pernah mempunyai nama domain .MY sebelum ini

55%

permohonan .BIZ.MY daripada usahawan Selangor dan Kuala Lumpur



Melindungi Ekosistem Ekonomi Digital

Selain daripada usaha MYNIC dalam merekayasa program Latihan Penguasaan Pasaran Digital, MYNIC turut giat dalam mempertingkatkan tahap keselamatan nama domain daripada gangguan dan ancaman siber.

Nama domain adalah satu teknologi yang stabil dan terbukti yang telah diperkenalkan sejak tahun 1985 dan terdapat sebanyak 508.6 juta nama domain pada suku pertama 2019 dengan pertumbuhan yang stabil antara 5% hingga 7% pada setiap tahun. Pertumbuhan positif ini boleh dilihat sebagai arah tuju ekonomi sekarang yang menjurus kepada ekonomi digital.

Memandangkan peningkatan pengguna dalam talian yang meningkat secara mendadak ketika Pandemik COVID-19, keselamatan nama domain adalah merupakan salah satu komponen penting di dalam ekosistem digital untuk menjalankan perkhidmatan dalam talian.

Kesinambungan daripada penganjuran bengkel kesedaran tentang Keselamatan Sistem Nama Domain (DNS) pada tahun 2019 di mana ia merupakan inisiatif MYNIC untuk memberi kesedaran kepada pengguna nama domain akan kepentingan keselamatan DNS. Inisiatif tersebut telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi memastikan perkhidmatan semua kementerian serta agensi kerajaan melalui laman web dan aplikasi dalam talian dijamin daripada sebarang ancaman keselamatan siber.

Berdasarkan laporan dari *The Star*, pada awal suku kedua tahun 2020, jumlah kes keselamatan siber telah melonjak sebanyak 82.5% semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana isu pandemik COVID-19. Bagi memastikan pengguna .MY terutamanya pihak kementerian serta agensi kerajaan tidak terkesan daripada sebarang ancaman siber dengan peningkatan pengguna Internet sebanyak 1.3% daripada 87.4% pada tahun 2018, MYNIC masih lagi meneruskan inisiatif Program Kesedaran Keselamatan DNS serta Bengkel Teknikal Pelaksanaan DNSSEC kepada pengendali nama domain dan laman sesawang kerajaan, agensi kerajaan dan juga kerajaan negeri.



DNS Secure Resolver


Perkhidmatan DNS *Secure Resolver* yang bertindak memberi perlindungan peringkat pertama (*first line of defense*) secara proaktif terhadap serangan siber apabila pengguna ingin mengakses sesuatu laman web turut diberi penekanan semasa penganjuran Program Kesedaran Keselamatan DNS serta Bengkel Teknikal Pelaksanaan DNSSEC.

DNS *Secure Resolver* yang telah berjaya dibangunkan oleh MYNIC berkebolehan mengesan serangan secara dinamik melalui penguatkuasaan polisi masa sebenar (*real-time policy*) yang melindungi pengguna Internet daripada mengakses laman web yang telah dijangkiti *malware* termasuk serangan seperti *phishing*, *botnet*, serangan *DDOS* dan *ransomware*.

Perkhidmatan ini dapat menyekat pengguna daripada mengakses laman web yang telah diserang yang akan memberi kesan gangguan terhadap rangkaian dan mengakibatkan aktiviti Internet tidak dapat dilaksanakan.

Pembangunan DNS *Secure Resolver* ini adalah sebahagian daripada projek Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan merupakan satu inisiatif MYNIC dalam memperkukuhkan tahap keselamatan DNS dengan tujuan untuk memberi perlindungan peringkat pertama (*first line of defense*) dalam memperkukuhkan keselamatan ke atas DNS dan laman web milik kerajaan dan pemegang nama domain .MY.

11.4 juta laman web yang diragui telah berjaya ditapis oleh Sistem Pengurusan Ancaman DNS menerusi pemantauan proaktif yang memberikan perlindungan daripada ancaman siber kepada SUK Negeri Melaka dan Yayasan Negeri Melaka sebagai pengguna awal *DNS Secure Resolver* sepanjang tempoh penggunaannya dari Oktober 2020 sehingga Disember 2020.




Prestasi Keseluruhan Domain


Pada tahun 2020, .MY telah mencatatkan pertanyaan sebanyak 45.37 bilion (45,375,203,923) di peringkat domestik dan antarabangsa. Pertanyaan domain bulanan purata .MY ialah 4.125 bilion (4,125,018,538).


Daripada sepuluh pertanyaan teratas mengikut negara, AS mengambil hampir separuh (43.47%) daripada jumlah pertanyaan. Gabungan negara-negara EMEA pula mengambil tempat kedua (31.67%) dan diikuti oleh Asia Pasifik* (24.86%). Malaysia pula di tempat kedua dengan (9.23%) atau 3,209 bilion pertanyaan.

45.37 billion pertanyaan (queries) .MY direkodkan pada tahun 2020



10 negara dengan pertanyaan (queries) .MY tertinggi pada tahun 2020





Purata respon masa untuk pertanyaan (queries) Anycast DNS .MY mengikut benua pada tahun 2020

Pada tahun 2020, MYNIC telah memantau prestasi pertanyaan DNS di tujuh Benua: Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Timur Tengah, Afrika, Asia Pasifik, dan Australia. Terdapat sejumlah 91 nod Anycast di 91 bandar di seluruh dunia. Dua ccTLDs (.JP dan .SG) digunakan sebagai penanda aras pertanyaan prestasi MYNIC. Enam daripada tujuh benua itu menunjukkan prestasi baik dan konsisten yang setanding dengan JP. Nod pencapaian terbaik MYNIC adalah dari Australia (8 ms) diikuti oleh Afrika (32 ms) dan Amerika Utara (52 ms).

* Asia Pasifik merangkumi RU, MY, SG, CN

Domain Name System Security Extension (DNSSEC)

DNSSEC atau *Domain Name System Security Extension* adalah satu set protokol bertindak untuk membantu sistem nama domain (DNS) mencari alamat Internet yang betul. Ianya dapat meningkatkan tahap keselamatan serta kepercayaan kepada pengguna ketika melayari internet dan melindungi daripada ancaman diubah ke laluan atau ke laman sesawang yang mencurigakan dan tidak dikehendaki.

Mengharungi tahun 2020 dalam situasi pandemik COVID-19 yang masih memuncak, MYNIC berjaya mengadakan 20 Bengkel Kesedaran Keselamatan DNS serta Bengkel Latihan Teknikal Pelaksanaan DNSSEC kepada pengendali nama domain dan laman web kerajaan, agensi kerajaan dan juga kerajaan negeri secara dalam dan luar talian. Seramai 456 peserta daripada sektor kerajaan dan juga swasta telah terlibat dalam bengkel ini dan sebanyak 831 nama domain .MY telah berjaya diaktifkan dengan DNSSEC.



10 Februari 2020 | The Light Hotel, Penang



24 Februari 2020 | Duyong Marina & Resort, Kuala Terengganu



16 Mac 2020 | The Everly Putrajaya, Putrajaya

Segenap Tinjauan Rakan Niaga MYNIC



Program Akreditasi Rakan Niaga MYNIC 2020

Program Akreditasi Rakan Niaga MYNIC adalah sebahagian daripada inisiatif globalisasi .MY sejak tahun 2019 sebagai permulaan untuk memastikan kesiapsiagaan Rakan Niaga MYNIC agar mematuhi piawaian sebagai pendaftar antarabangsa. MYNIC telah membuka peluang kepada Rakan Niaga MYNIC di seluruh Malaysia yang belum memperoleh status "MYNIC Accredited Reseller" untuk turut serta dalam program akreditasi ini. Sejumlah 26 Rakan Niaga telah berminat menyertai program ini dan berjaya memperoleh status MYNIC Accredited Reseller.

MYNIC memahami segala kesulitan dan cabaran yang dihadapi oleh Rakan Niaga MYNIC terutamanya ketika berjuang untuk memastikan kestabilan perniagaan mereka akibat ancaman wabak COVID-19 yang masih berlaku di seluruh dunia.

+6.7%

Peningkatan pendaftaran nama domain oleh Rakan Niaga MYNIC pada tahun 2020 berbanding pendaftaran nama domain pada tahun 2019 walaupun negara dilanda pandemik COVID-19

76.5%

Rakan Niaga MYNIC telah menyumbang kepada jumlah pendaftaran nama domain baharu pada tahun 2020


Justeru itu, MYNIC sentiasa berusaha memastikan digitalisasi secara menyeluruh dan komprehensif untuk membantu Rakan Niaga MYNIC lebih kompetitif bagi mengharungi cabaran ini. Pemerkasaan kualiti program insentif Rakan Niaga MYNIC dengan menawarkan pelbagai aktiviti promosi yang lebih menarik untuk membolehkan penjualan nama domain .MY dipertingkatkan oleh Rakan Niaga MYNIC.

Kerjasama daripada kedua belah pihak akan diberi penekanan bagi memastikan adaptasi digital melalui nama domain .MY dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Bekerja semasa PKP - Apa kata Rakan Niaga kami?

"Bekerja dengan bijak mengikut keadaan semasa, sebenarnya norma baharu tidak banyak mempengaruhi kita. Selagi ada sambungan Internet, kita boleh bekerja di mana sahaja. Cipta ruang kerja fleksibel sendiri di rumah secara tidak langsung ia dapat membantu produktiviti dan kreativiti. Secara peribadi, sebagai ibu yang bekerja, saya mempunyai lebih banyak masa bersama ahli keluarga, terutamanya anak-anak."

EXABYTES



"Qinetics mengikut garis panduan ketat yang ditetapkan kerajaan dan mengambil tindakan segera apabila terdapat peraturan baharu yang diperintahkan. Semua kakitangan di pejabat memakai pelitup muka dan terutama semasa perjumpaan atau perbincangan di ruang tertutup."

QINETICS SOLUTIONS SDN BHD

"Pada awal bulan Mac 2020, kerajaan telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penguatkuasaan arahan bekerja dari rumah. Ini bagi memastikan orang ramai terus kekal di rumah dan bekerja secara dalam talian. Pada dasarnya, pekerjaan seperti kami *Billing Department* tidak mempunyai permasalahan untuk melakukan kerja dari rumah di mana kami hanya memerlukan komputer riba sahaja. Malahan, pasukan kerja kami juga dapat berkomunikasi dengan baik di WhatsApp dan Lync. Bekerja dari rumah bukan sahaja dapat menjimatkan masa untuk persediaan ke tempat kerja malahan dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas. Cuma kadang-kadang situasi menjadi agak mencabar jika saya perlu bekerja dari rumah dan pada masa yang sama menguruskan keperluan keluarga di rumah. Walaubagaimanapun, kita perlu mengikut perintah yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk memutuskan rantai COVID-19. Oleh itu, jika bekerja dari rumah dapat membantu mengurangkan jangkitan di antara kita, kita harus kekal positif bekerja dari rumah dan pada masa yang sama harus berusaha meningkatkan prestasi serta kemahiran kerja."

SHINJIRU TECHNOLOGY SDN BHD

"Perintah kawalan pergerakan dan larangan perjalanan telah membuatkan peralihan bergantung kita terutamanya pada platform dalam talian untuk memastikan kita terus dapat menjalankan kerja. Kebanyakan kerja dilakukan di pelbagai lokasi dengan komunikasi melalui platform dalam talian atau panggilan telefon. Produktiviti mungkin menurun tetapi ini adalah yang terbaik yang dapat kita lakukan dalam masa pandemik ini."

FIRST ONLINE (M) SDN BHD

Membina Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

Tahun 2020 agak mencabar bagi semua organisasi di mana pelbagai perkara harus diambil kira termasuk meramal cabaran yang bakal dihadapi secara mendalam di saat pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh dunia.

Kumpulan kerja yang dinamik dan sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran yang tidak dijangka, seringkali dihadapi di tempat kerja secara konsisten disebabkan kemajuan dan pembangunan teknologi yang pesat. Rintangan dan kegagalan organisasi untuk mengurus serta melakukan transformasi adalah salah satu penyebab mengapa kebanyakan perniagaan tidak dapat bertahan. Kini, dunia persaingan tidak dapat dijangka mahupun diramal seperti model perniagaan baharu, pendekatan inovatif dan berorientasikan masa depan, membina budaya pembelajaran yang holistik dan peralihan corak kepemimpinan yang baharu.

Oleh yang demikian, menjadi salah satu perkara kritikal kepada MYNIC untuk terus memastikan adaptasi agar kekal relevan dalam perniagaan. Antara langkah yang harus diambil kira adalah dengan menyusun semula potensi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti secara keseluruhan seterusnya dapat membentuk budaya kerja berprestasi tinggi.

Antara inisiatif sumber manusia MYNIC pada tahun 2020 adalah;

- Penstrukturan proses perniagaan:
 - PWC - perancangan semula proses perniagaan,
 - Perolehan strategik,
- Pembangunan bakat (kepakaran subjek)
- *Certified Transformational Leadership* (CTL)
- Kaji selidik Penglibatan Pekerja



Penstrukturan Proses Perniagaan

MYNIC yakin, penstrukturan semula proses perniagaan yang betul boleh menjadi *game changer* kepada syarikat. Sekiranya ditangani dengan betul, rekayasa proses perniagaan dapat meningkatkan keuntungan dan mendorong pertumbuhan syarikat. MYNIC telah menyempurnakan enam (6) proses perniagaan dan juga menghasilkan perolehan strategik yang bertujuan untuk memastikan bekalan barang dan perkhidmatan tepat pada masanya sesuai dengan tujuan perniagaan organisasi, sekaligus mengurangkan risiko dalam rantai penawaran.

Peningkatan Bidang Kepakaran (*Subject Matter Expert*)

MYNIC sentiasa menyediakan peluang pembelajaran dan latihan di peringkat profesional yang berterusan bagi mencungkil potensi dan bakat sedia ada bagi menyokong perkembangan kerjaya kakitangan MYNIC. Pengukuhan skil dalam kerjaya adalah kaedah strategik yang dipraktikkan di MYNIC dalam mengekalkan tenaga kerja yang berkualiti.

Peralihan Budaya Kerja Berteraskan Data (*Data Centric*)

MYNIC menyedari bahawa peralihan kepada budaya kerja berpandukan data adalah penting untuk menghasilkan keputusan terbaik di dalam keseluruhan proses perniagaan. Inisiatif ini melibatkan peringkat pengurusan sehingga barisan kepimpinan atasan. Bengkel dalaman berkaitan literasi data dijalankan untuk semua jabatan dalam perjalanan untuk berubah menjadi organisasi yang berpusatkan data dan yang paling penting yang berupaya meningkatkan kecekapan operasi syarikat.

Kursus Latihan Kepemimpinan

Seperti transformasi budaya yang lain, kepimpinan memainkan peranan utama dan pihak pengurusan tertinggi bertanggungjawab untuk memacu transformasi tersebut melalui komunikasi terbuka dan telus. MYNIC menyedari kepentingan dalam memiliki kualiti barisan kepimpinan yang baik dalam memacu aspirasi syarikat. Pada tahun 2020, MYNIC telah melabur sejumlah RM134,100 untuk kepimpinan tertinggi syarikat untuk menjalani kursus *Certified Transformational Leadership* bagi meraih faedah berkaitan transformasi dalam membina sebuah pasukan berprestasi tinggi.

Penglibatan Keseluruhan Pekerja

Pekerja adalah aset terbesar bagi MYNIC di mana adalah menjadi tanggungjawab MYNIC untuk memastikan serta memupuk suasana kerja yang kondusif melalui pengembangan bakat. MYNIC merupakan syarikat yang sentiasa berusaha mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kakitangan kami. Dalam usaha untuk mewujudkan budaya syarikat yang lebih baik, tinjauan penglibatan pekerja iaitu "*High Performance Culture Baseline Review*" telah dijalankan terhadap pekerja kami. Maklumbalas daripada para pekerja membantu syarikat untuk menentukan strategi dalam mengatasi kekangan dalam membina perjalanan menjadi organisasi yang berprestasi tinggi.

Apa kata warga MYNIC?

"Sepanjang dua tahun MYNIC mengamalkan budaya berprestasi tinggi MYNIC telah menunjukkan penambahbaikan dalam membina tahap prestasi yang tinggi dan konsisten dari semasa ke semasa.

MYNIC memulakan ekosistem bimbingan rakan sepasukan dengan mendorong pekerja MYNIC untuk berkongsi pengetahuan mereka dengan pasukan dari jabatan yang lain. Ia juga mewujudkan ruang santai dan lebih peribadi dalam memberi peluang pembelajaran."

NORUL

"Dengan disokong oleh inisiatif, latihan, bimbingan, tunjuk ajar dan pemeraksanaan yang telah diperkenalkan oleh pihak pengurusan, serta kerja sama baik dalam pasukan, saya telah berjaya melaksanakan tugas-tugas yang diberikan dengan pengawasan minimum."

MASTURA

"Sepanjang perjalanan kerjaya saya bersama MYNIC, saya dapati komunikasi dua hala yang efektif sentiasa dipraktikkan. Selain itu, kepimpinan yang berkesan juga dapat dilihat pada pengurusan atasan terhadap para pekerja. Budaya kerja di MYNIC banyak memberi inspirasi kepada saya untuk terus berusaha memperbaiki diri menjadi lebih baik."

SAFUAN

Pencapaian Memacu Globalisasi ke Arah Pensijilan COPC

Penambahbaikan terhadap Perkhidmatan .MY melalui Pensijilan Pusat Khidmat Pelanggan MYNIC

Sejajar dengan matlamat MYNIC untuk menjadi sebuah organisasi berorientasikan pelanggan, fokus bagi tahun 2020 adalah lebih menjurus kepada pembangunan dan pelaksanaan pelan, proses dan aktiviti untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian khidmat pelanggan .MY berdasarkan keperluan Standard dan Amalan Terbaik Organisasi Berprestasi Tinggi (*High Performing Organisation*).

Pensijilan kepada Standard COPC membolehkan MYNIC mengenalpasti dan memperbaiki operasi MYNIC untuk meningkatkan pengalaman pelanggan MYNIC.



COPC iaitu sebuah badan pengaudit bertaraf antarabangsa menjalankan proses audit yang bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai pelaksanaan, pengukuran dan pemantauan terhadap elemen-elemen berkaitan pengurusan khidmat pelanggan .MY berdasarkan keperluan Standard dan Amalan Terbaik Organisasi Berprestasi Tinggi (*High Performing Organisation*).

Kesinambungan daripada program yang telah bermula pada September 2019, permulaan bagi tahun 2020 dimulakan dengan kaji selidik dan analisa kepuasan pelanggan kerana kami percaya setiap organisasi berorientasi pelanggan perlu berusaha memahami dan memenuhi kehendak yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa, teknologi dan persaingan pasaran.

Berdasarkan audit yang telah dijalankan pada penghujung Oktober 2020, MYNIC telah berjaya meningkatkan kadar pematuhan daripada 8% (*Baseline Audit* pada September 2019) ke 82% berdasarkan 72 keperluan di dalam *Performance Improvement Criteria (PIC) Standard*.

MYNIC akan terus komited untuk melepasi kadar pematuhan 100% serta memastikan ianya mampu mencapai prestasi berdasarkan target yang telah ditetapkan dan seterusnya menjadi agensi kerajaan pertama di Malaysia yang dianugerahkan pensijilan dan pengiktirafan antarabangsa yang berprestij terhadap perkhidmatan khidmat pelanggannya.

Standard dan Amalan Terbaik COPC merangkumi segala elemen penting seperti yang berikut:



- Hala Tuju, Objektif Pusat Khidmat Pelanggan serta komitmen pekerja dalam mencapai tahap perkhidmatan pelanggan yang berkualiti (*Statement of Direction*)
- Proses dan Pengawalan (*Process and Design Control*)
- Tindakan Pembetulan dan Penambahbaikan berterusan (*Corrective Action and Continuous Improvement*)
- Pengurusan Kualiti (*Quality Management*) bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan berkualiti serta memenuhi kehendak pelanggan
- Anggaran dan Analisa Transaksi, Sumber Manusia dan Penjadualan (*Forecasting, Staffing and Scheduling*)
- Proses Pengambilan Pekerja yang berkemampuan dan mempunyai skil serta kualiti (*Recruiting and Hiring*)
- Latihan dan Pembangunan terhadap Pekerja (*Training and Development*)
- Penilaian Tahunan terhadap Kemahiran dan Pengetahuan berdasarkan skop pekerjaan (*Verifying Skills and Knowledge*)
- Pengurusan Pemerolehan Pekerja bagi memastikan jumlah pekerja yang mencukupi (*Staff Attrition*)
- Pemantauan dan Bimbingan terhadap Pekerja untuk mengawal kualiti perkhidmatan (*Monitoring and Coaching*)
- Mengukur Kadar Kepuasan Pelanggan (*Measuring Customer Experience*)
- Mencapai Prestasi (*Achieving Results*) berdasarkan target Amalan Terbaik Organisasi Berprestasi Tinggi

Program Tanggungjawab Sosial Korporat #MYNICCARES

#MYNICCARES Santuni Warga Emas Cina

Dalam meraikan serta memberi kegembiraan Tahun Baru Cina kepada golongan yang kurang bernasib baik, MYNIC Berhad telah menganjurkan program #MYNICCARES. Pada 21 Januari 2020, MYNIC memilih Pusat Jagaan Orang Tua Wan Hing, Seri Kembangan untuk menayakan usaha ini.

Pusat Jagaan Orang Tua Wan Hing menempatkan lebih 30 orang warga emas. Dengan membawa semangat 'Kemakmuran Bersama', MYNIC mengambil peluang untuk meraikan golongan warga emas serta membantu dan menceriakan sambutan Tahun Baru Cina mereka kali ini. Usaha ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat MYNIC dalam membantu pusat kebajikan tersebut untuk menjalankan program di samping mengurangkan bebanan kos harian mereka.

#MYNICCARES telah diperkenalkan pada 2019 dengan tujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik serta yang memerlukan. Sebagai sebuah agensi di bawah KKMM, MYNIC sentiasa mengambil peluang untuk membantu masyarakat bukan sahaja melalui perkhidmatan yang ditawarkan namun turut membantu dalam program berbentuk kemanusiaan. Program ini bertujuan untuk memupuk budaya dan semangat sukarelawan serta menggalakkan aktiviti yang berkaitan dengan kerja-kerja amal.



Ceria Raya Bersama #MYNICCARES x YAYASAN PAHANG 2020

MYNIC telah bekerjasama dengan Yayasan Pahang pada 13 Jun 2020 dalam menayakan Ceria Raya bersama #MYNICCARESxYAYASANPAHANG 2020. Program CSR ini berjaya direalisasikan dan sekaligus dapat membantu keluarga yang terkesa untuk mengurangkan bebanan kos harian mereka terutamanya ketika fasa pemulihan wabak pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin, MYNIC telah menyerahkan sejumlah RM31,500 kepada Yayasan Pahang di majlis Ceria Raya Bersama #MYNICCARESxYAYASANPAHANG 2020.

Majlis turut dihadiri YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, YBrs. Khairul Anwar Abu Bakar, wakil kepada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang dan pengurusan tertinggi MYNIC.

Dengan penganjuran program sebegini, ia menunjukkan yang MYNIC tidak hanya memfokuskan kepada hal-hal pentadbiran dan operasi semata-mata, sebaliknya syarikat turut menitikberatkan perkara yang berkaitan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Pelbagai inisiatif CSR telah dan akan dilaksanakan oleh MYNIC untuk dinikmati oleh masyarakat di luar sana, di mana untuk strategi jangka panjang ianya akan memberi manfaat kepada sosioekonomi negara secara keseluruhannya.

MYNIC Rancakkan Ekonomi Digital Negara

Sidang Media Diskaun Khas Nama Domain .MY untuk Orang Kurang Upaya (OKU)

Bagi menyokong dan merencanakan adaptasi teknologi di kalangan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia, MYNIC telah mengumumkan dan menawarkan program latihan ICT dan media sosial kepada beberapa organisasi OKU di seluruh negara. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang bertujuan untuk mempromosikan serta menggalakkan penyertaan semua pihak secara inklusif dalam mengikuti arus digital Malaysia.

Pada 6 Februari 2020, MYNIC telah menganjurkan sidang media untuk mengumumkan inisiatif ini. Sebagai permulaan, MYNIC telah mula mendapatkan kerjasama daripada beberapa persatuan OKU seperti Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Persatuan Pemulihan Orang Cacat Malaysia dan OKU Sentral untuk memberikan latihan kepada ahli-ahli persatuan bermula dari bulan Mac 2020 di Wilayah Selatan Malaysia yang melibatkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan adaptasi teknologi digital khususnya di kalangan OKU dan untuk membantu transformasi perniagaan sedia ada daripada perniagaan luar talian ke perniagaan dalam talian. Sehubungan dengan itu, MYNIC juga menawarkan diskaun khas 50% untuk seumur hidup kepada OKU bagi pendaftaran nama baharu domain .MY.



Majlis Pelancaran Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah melancarkan Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME), iaitu sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh MYNIC pada 27 November 2020. Program ini bertujuan untuk memacu adaptasi digital di kalangan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) serta meningkatkan daya saing perniagaan kecil di Malaysia.

Di bawah inisiatif ini, MYNIC telah memperkenalkan kategori baharu nama domain iaitu .BIZ.MY khusus untuk memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) di Malaysia serta memacu adaptasi digital.

Bersempena dengan pelancaran PRIME, MYNIC menawarkan 20,000 nama domain .BIZ.MY secara percuma yang melibatkan nilai keseluruhan sebanyak RM 1.6 juta kepada MSME yang layak.

Antara rakan-rakan strategik MYNIC termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi-agensinya, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), SME Corp, Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), Pahang Go Sdn. Bhd., Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak (SDEC) dan UTMSPACE.

Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan turut dihadiri Yang Berusaha Dr. Mohamed Awang Lah, Pengerusi MYNIC Berhad, YBrs. Encik Shakib Ahmad Shakir, Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) KKMM, Yang Berusaha Dr. Fadhullah Suhaimi bin Abdul Malek, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan YBhg. Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC.

MYNIC dan KKMM Memacu Adaptasi Digital Negara

Sesi Taklimat MYNIC kepada Menteri KKMM dan Ketua Setiausaha KKMM

MYNIC telah menerima dua lawatan kerja daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Lawatan pertama oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan delegasi beliau pada 19 Jun 2020. Manakala lawatan kedua daripada YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan delegasi beliau pada 10 Nov 2020.

Kedua-dua lawatan ini adalah sebagai pengenalan YB Dato' Saifuddin Abdullah dan YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad sebagai pelantikan baru ke agensi yang bernaung di bawah KKMM dan fungsi MYNIC kepada industri nama domain di Malaysia.

MYNIC mengambil peluang untuk membentangkan matlamat dan hala tuju MYNIC tahun 2020 seiring dengan seruan kementerian menggalakkan penerapan ekonomi digital kepada komuniti. Sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) MYNIC sentiasa berusaha membangunkan industri nama domain sebagai sebahagian daripada infrastruktur ICT di Malaysia.



Nama Domain .MY Premium

Seiring dengan amalan pengendali nama domain di peringkat antarabangsa, tahun 2020 menyaksikan MYNIC mula memperkenalkan Nama Domain Premium .MY, yang ditakrifkan sebagai nama domain dengan signifikan tersendiri sama ada dari segi kependekan, nama yang bermakna dan mudah diingati. Atas faktor-faktor ini, nama domain premium ditawarkan dengan harga yang lebih tinggi berbanding nama domain biasa.

Kriteria nama domain premium .MY adalah seperti berikut:

- Nama domain dengan 1 aksara (contoh 8.my)
- Nama domain dengan 2 aksara (contoh 1u.my)
- Nama domain dengan 3 aksara (contoh pkp.my)
- Nama domain dengan kata nama umum yang berakhir dengan -my (contoh astrono.my)
- Nama domain dengan kata nama yang popular dalam kamus bahasa Malaysia (meja.my) dan bahasa Inggeris (table.my)

Nama-nama domain ini telah ditawarkan dalam sesi bidaan awam yang diadakan bermula 28 Oktober – 8 November 2020 di pdn.mynic.my dengan harga bermula pada RM500. Keputusan bidaan telah diumumkan pada 9 November 2020 di mana 110 bidaan telah diterima untuk 67 nama domain premium.

39%

pembida nama domain .MY premium tidak pernah mempunyai nama domain .MY sebelum ini

Statistik Bidaan Nama Domain .MY Premium

70%
3 aksara

16.5%
2 aksara

10.5%
nama popular

3%
1 aksara

Pertumbuhan Perniagaan dan Kewangan

Di sebalik ketidakstabilan persekitaran termasuklah pandemik COVID-19 semenjak awal tahun 2020 yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada penangguhan dan pelaksanaan projek serta inisiatif yang dirancang, MYNIC masih mampu berdiri teguh berdasarkan pada asas-asas organisasi yang kukuh dan strategi mampan dan mantap, melalui pelaksanaan inisiatif secara berkesan.


Dengan itu, operasi perniagaan MYNIC masih berjaya mencatatkan prestasi yang tidak mengecewakan pada tahun ini di mana pendapatan sejumlah RM17.3 juta telah dijana meningkat sebanyak 7% dari tahun sebelumnya. Pihak pengurusan juga memberi fokus terhadap pengoptimuman dan kawalan kos operasi dan sekaligus menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.2 juta.

MYNIC masih berjaya menguruskan kos operasi sementara terus membuat penambahbaikan serta pelaksanaan infrastruktur IT yang lebih berdaya tahan dan inisiatif pendigitalan bagi tujuan menjana pendapatan yang lebih memberangsangkan. MYNIC juga yakin penurunan pendapatan ini adalah bersifat sementara dan jangka pendek di mana usaha berterusan mampu dipergiatkan melalui pelbagai aktiviti bagi tahun 2020 dan masih mampu mengatasi tekanan dan dapat mengawal kenaikan kos dengan baik.


Ekonomi digital dan industri teknologi dilihat mula mendapat perhatian umum dan menjadi *trend* di peringkat global terutamanya sebagai pilihan pengguna dalam menjalankan perniagaan. Di sebalik trend ini, prestasi MYNIC dijangka akan lebih meningkat, menunjukkan daya tahan kepada tekanan, meskipun dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada tahun berikutnya. Berlatarbelakangkan persekitaran operasi, MYNIC menetapkan tumpuan utama kepada kualiti aset, dan mengekalkan tahap kecairan tunai yang mantap di mana kenaikan sebanyak 12% berbanding tahun 2019. Dengan asas yang kukuh ini, MYNIC berada di kedudukan yang baik untuk menghasilkan nilai yang mampan dan sekaligus menyumbang kepada KDNK negara.

Prestasi Kewangan Keseluruhan

Pendapatan
(RM '000)




Keuntungan Sebelum Cukai
(RM '000)




Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Margin	25%	31%	28%	24%	19%	-9%	7%

Keuntungan Selepas Cukai
(RM '000)



Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Margin	18%	22%	20%	16%	12%	-10%	5%

Simpanan Tunai
(RM '000)



.mynic

MYNIC Berhad (735031-H)

Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

t +603 8008 2000 w mynic.my
f +603 8008 2020  MYNIC Berhad